

Sidang Dewan Rakyat

Saiz anggota pentadbiran kerajaan ikut keperluan

Langkah pastikan pelaksanaan program cekap, capai matlamat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Saiz anggota pentadbiran kerajaan ketika ini dibuat berdasarkan keperluan, selain demi memastikan program kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan menghasilkan impak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, berkata penambahan anggota turut dibuat bagi melancarkan urusan pentadbiran.

Beliau menafikan dakwaan kononnya saiz pentadbiran kera-


jaan ketika ini dibuat berdasarkan pertimbangan politik.

“Kalau kita lihat struktur pentadbiran dulu, JPM ada 56 agensi, sekarang kita ada 60 agensi dengan skop tertentu yang memerlukan diwujudkan jawatan tertentu,” katanya ketika mengulung Rang Undang-Undang (RUU) peringkat jawatankuasa bagi portfolionya di Dewan Rakyat, semalam.

Ketika ini, saiz anggota pentadbiran Perikatan Nasional (PN) membabitkan 32 menteri dan 37 timbalan menteri.

“Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dulu ada 28 menteri, PN ada 32 menteri, hanya lebih empat.

“Timbalan menteri PH ada 27



“Jika ada agensi yang perlu dialih atas dasar fungsi keberkesannya, ia boleh dilaksanakan atas persetujuan Perdana Menteri.”

Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Tugas-Tugas Khas)

dan PN ada 37 timbalan menteri, tapi kementerian sudah bertambah iaitu daripada 25 kementerian dulu (PH) sekarang kita ada 27 kementerian,” katanya.

Mohd Redzuan berkata, saiz agensi di bawah JPM turut mengambil rasional fungsi dan boleh diubah pada bila-bila masa.

“Jika ada agensi yang perlu dialih atas dasar fungsi keberkesannya, ia boleh dilaksanakan atas persetujuan Perdana Menteri,” katanya.